



Konvensyen Jualan Langsung 2000



Y.Bhg. Dato' Pahamin A. Rajab, Ketua Setiausaha KPDN & HEP bergambar dengan para peserta Konvensyen Jualan Langsung 2000.

Selaras dengan pembangunan ekonomi negara yang semakin berkembang, industri perniagaan jualan langsung di Malaysia juga semakin berkembang. Perkembangan ini boleh dilihat dengan peningkatan jumlah lesen jualan langsung yang dikeluarkan dan jumlah jualan barangan dan perkhidmatan menggunakan jenis perniagaan ini juga semakin bertambah setiap tahun. Perniagaan jualan langsung sama seperti perniagaan yang lain, boleh dianggap sebagai bentuk perniagaan yang dapat


berkembang dengan baik. Bagaimanapun, perniagaan ini juga tidak lari daripada isu-isu perniagaan secara tidak beretika dan penyelewengan. Maka, Akta Jualan Langsung 1993 telah diwujudkan oleh Kerajaan untuk melindungi dan memastikan jenis perniagaan ini dapat berjalan dengan baik.

Sesuai dengan perkembangan semasa, pada 25 April 2000 yang lalu, Konvensyen Jualan Langsung 2000 telah diadakan di Mandarin Oriental Hotel Kuala Lumpur. Konvensyen ini telah dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP)

dengan kerjasama Pertubuhan Jualan Langsung Malaysia, Persatuan Edaran Terus Malaysia dan Biro Berniaga Beretika Malaysia. Penyertaan telah dibuka kepada syarikat-syarikat jualan langsung berlesen. Sebanyak lebih kurang 550 borang penyertaan telah dihantar dan seramai 418 orang telah menyertai konvensyen ini. Jemputan juga dikeluarkan kepada wakil-wakil bahagian KPDN & HEP, Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Antarabangsa, Kementerian

bersambung di mukasurat 4

SIDANG PENGARANG



Penasihat
Y. B. Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin
Menteri Perdagangan Dalam Negeri
dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Penolong Penasihat
Y. B. Dato' S. Subramaniam
Timbalan Menteri Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Malaysia.

Ketua Pengarang
Syed Mestaddin bin Syed Abdullah
Pengarah, Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penasihat Pengarang
Abdul Rahman bin Ghazali
Timbalan Ketua Pengarah,
Bahagian Penguatkuasa (Operasi).

Yap Kon Lim
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Normah Sheikh Abdullah
Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Penolong Pengarang
P. Jayanthi
Anyi Ngau
Penolong Pengarah,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Noor Jamal Ali
Penolong Pengarah,
Bahagian Penerbitan

**Penasihat Publisiti Dan
Hal Ehwal Korporat**
James Tho
Ketua, Publisiti dan Hal Ehwal Korporat,
Buletin Perlindungan Pengguna

Andrew Ho
Penolong Ketua, Buletin Perlindungan Pengguna

K. E. Saw
Zainabla bte Ismail
Leena A. Krishnan
Sumithra (Sumi)
Pegawai-pegawai Kordinator dan
Perhubungan Buletin

Produksi Dan Edaran
Nancy Thong
Edward Loh

Alamat :
Buletin Perlindungan Pengguna,
Bahagian Hal Ehwal Pengguna,
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri
Dan Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 32, Bangunan Daya Bumi,
Jalan Sultan Hishamuddin
50623 Kuala Lumpur.
No. Faks : 03-2274 7628 • 2260 1807
E-mail : buletin@kpdnhq.gov.my

Buletin Perlindungan Pengguna
merupakan projek usahasama Kementerian
Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal
Pengguna dengan kerjasama Majlis Hal
Ehwal Pengguna (WP) Kuala Lumpur dan
diterbitkan secara bulanan. Rencana-
rencana yang diterbitkan dalam buletin ini
adalah pandangan peribadi penulis dan tidak
semestinya menggambarkan pendirian
Kementerian
Perdagangan Dalam
Negeri dan Hal
Ehwal Pengguna.



Gaya hidup masyarakat Malaysia yang sentiasa mahukan perubahan dan keselesaan telah memberi ruang kepada Industri Jualan Langsung yang sebelum ini bergiat cergas di negara-negara seperti Amerika dan Taiwan untuk bertapak di Malaysia. Mulai tahun 1970an Perniagaan Jualan Langsung telah menjadi semakin popular di kalangan rakyat Malaysia. Nilai jaluannya telah mencapai anggaran setinggi RM4 billion setahun dengan penglibatan tidak kurang dari 2 juta orang.

Oleh kerana industri ini kononnya boleh menjanjikan pendapatan tambahan yang agak lumayan dan sesiapa sahaja boleh menceburinya, malah boleh memulakan perniagaan sendiri tanpa perlu menyediakan modal yang banyak, maka ramai pengguna yang berminat telah dan tidak kurang juga yang bercadang untuk menjadi pengedar atau pelanggan mana-mana syarikat jualan langsung.

Akan tetapi dalam kehairahan untuk menceburi bidang jualan langsung ataupun menjadi pelanggan kepada mana-mana syarikat jualan langsung, pengguna adalah dinasihatkan agar berhati-hati dan harus berwaspada dengan tindak-tanduk sesetengah pihak yang mempunyai tujuan dan agenda lain selain berniaga secara jujur dan beretika.


Walaupun Akta Jualan Langsung 1993 diwujudkan untuk melindungi pengguna, namun peranan pengguna adalah lebih utama dalam menentukan kesejahteraan perjalanan hidupnya serta keluarga. Justeru itu pengguna adalah disarankan untuk mengambil tahu akan hak dan tanggungjawab masing-masing serta bekerjasama dengan pihak kerajaan terutamanya dalam membantu mewujudkan industri jualan langsung yang sihat dan beretika di Malaysia.

- Pengarang

Kempen Kesedaran Penggunaan Perisian Komputer Yang Sah

Dalam usaha untuk membendung kegiatan cetak rompak terutamanya penggunaan perisian komputer salinan langgaran oleh syarikat-syarikat korporat dan profesional di seluruh negara, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP) dengan kerjasama Business Software Alliance (BSA) sekali lagi telah mengadakan 'Kempen Kesedaran' mulai awal bulan Jun 2000. Melalui kempen kesedaran ini Y. Bhg. Dato' Pahamin A. Rajab, Ketua Setiausaha KPDN & HEP selaku Pengawal Hakcipta telah mengeluarkan surat kesedaran kepada syarikat-syarikat perniagaan bagi mengingatkan mereka supaya membuat pemeriksaan ke atas sistem perisian komputer yang diguna oleh sektor tersebut. Mereka telah diarah supaya membuat pengoditan ke atas komputer yang digunakan oleh syarikat sebagai langkah bagi memastikan hanya perisian komputer serta Sistem Operasi, Aplikasi dan Network yang sah/asal sahaja digunakan dalam urusan perniagaan mereka.

Melalui kempen ini sektor tersebut telah diberi tempoh sehingga 1hb Julai 2000 untuk



mempastikan supaya mereka mematuhi peruntukan Akta Hakcipta 1987. Pegawai-pegawai Penguatkuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan melakukan pemeriksaan dan mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang gagal berbuat demikian.


Kempen kesedaran ini adalah merupakan salah satu pelan tindakan Pasukan Petugas Khas Hakcipta (*Special Copyright Task Force*) yang telah ditubuhkan oleh pihak KPDN & HEP sejak April 1999. Matlamat utama Pasukan ini adalah membenteng kegiatan cetak rompak di seluruh negara.

Sebanyak 30,000 pucak surat peringatan kempen kesedaran dan amaran telah diedarkan kepada syarikat-syarikat perniagaan yang

dipercayai ada menggunakan perisian komputer dalam urusan perniagaan.

Semenjak berkuatkuasanya Akta ini, Bahagian Penguatkuasa telah mengambil sebanyak 25 kes terhadap syarikat perniagaan yang telah didapati menggunakan perisian komputer salinan langgaran dengan nilai rampasan berjumlah RM 5 juta.

Melalui kempen ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berharap tahap kesedaran syarikat-syarikat perniagaan yang menggunakan perisian komputer dapat dipertingkatkan supaya mereka dapat menjalankan perniagaan secara jujur dan beretika.



sambungan daripada mukasurat 1

Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, wakil-wakil persatuan pengguna dan persatuan francais.

Tujuan utama konvensyen ini adalah untuk membincangkan isu-isu semasa berkaitan dengan industri jualan langsung. Isu utama ialah mengenai keberkesanan Akta Jualan Langsung 1993, iaitu kesesuaian dan keberkesanan akta ini dalam keadaan semasa, sama ada industri ini perlu terus dikawal atau tidak dari segi undang-undang, persaingan hebat dari skim piramid dan skim cepat kaya serta perdagangan melalui internet.

Konvensyen ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' Pahamin A. Rajab, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Dalam ucapan perasmianya, Y.Bhg. Dato' telah menekankan aspek pengawalan industri dan aspek *self regulatory* di kalangan industri itu sendiri. Menurut Y.Bhg. Dato', hasrat Kementerian ialah supaya semangat penyarikatan Malaysia wujud antara industri dan kerajaan dalam langkah membentuk suasana perniagaan baik dan harmoni.

Sebanyak empat kertas kerja telah dibentangkan semasa konvensyen, iaitu;

- **Perkembangan Industri Jualan Langsung di Malaysia**, yang menyentuh tentang prospek dan perkembangan industri jualan langsung ditinjau dari segi jumlah lesen yang telah dikeluarkan, jumlah



Sesi Perbincangan Panel Konvensyen Jualan Lansungan 2000.

jualan tahunan, penjenisan produk dan perkhidmatan yang diperdagangkan serta perangkaan yang berkaitan;

- **Aktiviti Jualan Langsung Tanpa Pelesenan - Kebaikan dan Keburukan**, yang membentangkan kebaikan dan keburukan jika pelesenan perniagaan jualan langsung dihentikan. Secara keseluruhannya kertas ini menyokong menamatkan sistem pelesenan jualan langsung;
- **Bagaimana Untuk Mengenalpasti Skim Piramid**, yang menerangkan ciri-ciri serta contoh-contoh perniagaan skim piramid secara terperinci; dan
- **Pemasalahan/Kelemahan Akta Jualan Langsung**, yang membentangkan kelemahan-kelemahan akta yang sedia

ada serta cadangan-cadangan penyelesaiannya untuk menjaga kepentingan pengguna.

Konvensyen Jualan Langsung tersebut telah mencapai beberapa rumusan penting. Antaranya, pelesenan perniagaan jualan langsung perlu dikekalkan tanpa mengenakan apa-apa syarat yang tidak kena mengena dengan industri jualan langsung, lesen jualan langsung hanya diproses untuk permohonan baru dan dikenakan tempoh percubaan (*probationary license*) selama satu tahun. Manakala pembaharuan seterusnya adalah secara automatik (*automatic renewal*). Seksyen-seksyen tertentu dalam Akta Jualan Langsung 1993 juga perlu dipinda mengikut keperluan keadaan semasa. Peserta konvensyen bersetuju bahawa Akta Anti Piramid perlu diwujudkan.

Jualan Langsung

Jualan langsung adalah satu kaedah pemasaran yang menawarkan peluang untuk membeli barangan atau perkhidmatan melalui rangkaian ahli-ahli dan pengedar-pengedar syarikat berkenaan. Mengikut takrif Akta Jualan Langsung 1993 (Akta 500), jualan langsung ialah jualan barangan dan perkhidmatan yang dibuat secara pintu ke pintu dan pesanan mel/pos. Dalam konteks ini, sebarang perniagaan yang dijalankan secara pintu ke pintu dan pesanan pos dikira menjalankan aktiviti jualan langsung yang tertakluk di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Walau bagaimanapun, hanya syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 yang dibenarkan menjalankan aktiviti sedemikian dengan lesen yang sah yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN & HEP). Orang perseorangan tidak dibenarkan menjalankan perniagaan jualan langsung kecuali bagi jualan barangan atau perkhidmatan yang bernilai tidak lebih dari RM 50.00 setiap jualan.

Perniagaan jualan langsung telah menjadi semakin popular di kalangan masyarakat Malaysia. Jumlah nilai jualan industri ini telah meningkat dari tahun ke tahun. Sebagai contoh, pada tahun 1998, nilai jualan industri ini mencecah hampir RM 4 billion dengan

melibatkan lebih 2 juta orang. Industri jualan langsung mula bertapak di Malaysia dalam tahun 1970-an dengan penglibatan syarikat-syarikat asing dari Amerika dan Taiwan yang bergiat cergas dalam perniagaan jenis ini. Sejak itu, aktiviti jualan langsung telah berkembang selaras dengan perubahan dalam gaya hidup masyarakat kini yang menitikberatkan cara membeli-belah, pemilihan barangan dan layanan jurujual.

Aktiviti jualan langsung adalah dinamik. Barangan dan perkhidmatan yang boleh didagangkan melalui jualan langsung adalah tidak terhad selagi ianya sah disisi undang-undang. Ini termasuklah barangan keperluan rumah, penjagaan diri, kosmetik dan perkhidmatan seperti kad diskaun, rebet dan kad keahlian serta penjualan hartanah seperti lot bangalow dan rumah. Di samping itu, perkhidmatan berkaitan multimedia dan teknologi maklumat juga dipasarkan melalui jualan langsung. Secara umumnya, terdapat tiga bentuk pelan pemasaran dalam jualan langsung di Malaysia iaitu berbilang tingkat (multi level), satu tingkat (single level) dan pesanan pos (mail order). Jenis pelan pemasaran jualan langsung yang paling popular adalah berbilang tingkat.

Industri jualan langsung kini dilihat semakin berkembang dan popular sebagai satu kaedah pemasaran alternatif kepada jualan tradisional seperti borong dan runcit. Bagaimanapun, kebaikan aktiviti jualan langsung ini telah dicemari dan

diambil kesempatan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab dengan berselindung dan menyamar sebagai syarikat jualan langsung. Mereka ini telah memperkenalkan aktiviti jualan langsung yang tidak beretika seperti skim cepat kaya dan skim piramid yang bertujuan untuk memperdaya dan menipu pengguna.

Berikutan dengan itu, kerajaan dan pihak industri memikirkan bahawa satu undang-undang perlu ada untuk mengawalselia aktiviti jualan langsung supaya ianya diamalkan dengan teratur dan sihat.

Maka, Akta Jualan Langsung 1993 (AJL 1993) telah diwujudkan dan mula dikuatkuasakan pada bulan Jun 1993 dengan tiga objektif iaitu untuk mengawalselia aktiviti perniagaan jualan langsung supaya ia wujud dalam suasana teratur, sihat dan beretika; memberikan perlindungan pengguna; serta menghapuskan skim piramid.

Dengan wujudnya AJL 1993 ini, pengguna tidak perlu bimbang dengan kes-kes negatif yang dikaitkan dengan industri jualan langsung seperti skim cepat kaya, skim piramid, penipuan oleh pengedar/penjual, harga barangan dan perkhidmatan yang terlalu mahal dan jualan secara paksaan. Namun, seseorang pengguna harus tahu menggunakan peruntukan di bawah AJL 1993

bersambung di mukasurat 6

sambungan daripada mukasurat 5

yang memberikan perlindungan kepada pengguna apabila terlibat dalam perniagaan jualan langsung.

Kontrak Jualan Langsung

Semua kontrak jualan langsung antara penjual dan pembeli yang bernilai RM300 dan lebih mesti dibuat secara bertulis, ditandatangani oleh kedua-dua pihak dan mempunyai kenyataan bahawa kontrak tersebut tertakluk kepada tempoh bertenang (cooling-off period) selama 10 hari bekerja.

Seseorang pengguna atau pembeli yang diberi kontrak tempoh bertenang tersebut mempunyai hak untuk bertenang selama 10 hari bekerja bermula dari tarikh kontrak itu dibuat. Dalam kontrak ini sebarang transaksi seperti serahan atau penerimaan barangan atau perkhidmatan dan pembayaran atau penerimaan wang deposit sebelum tempoh bertenang luput adalah tidak sah.

Di samping itu, semasa masih dalam tempoh bertenang, pembeli mempunyai hak untuk menarik diri daripada kontrak dan meminta penjual membuat serahan barangan atau perkhidmatan dalam masa tidak lebih 72 jam atau tiga hari dari tarikh kontrak dengan menghantar suatu notis bertulis kepada penjual.

Waktu bertandang

Seseorang wakil syarikat jualan langsung atau lebih dikenali

sebagai jurujual hanya dibenarkan bertandang pada hari-hari dan masa tertentu iaitu dari pukul 9 pagi hingga 7 malam hari bekerja. Mereka tidak dibenarkan bertandang ke rumah pengguna bagi tujuan menjual pada hari cuti am dan hari-hari cuti hujung minggu mengikut negeri. Walau bagaimanapun, mereka dibenarkan bertandang pada bila-bila masa sekiranya dengan persetujuan atau temujanji dengan tuan rumah atau premis terlebih dahulu.

Kad kebenaran

Selain kontrak tempoh bertenang dan waktu bertandang, satu lagi perkara yang dinyatakan dalam AJL 1993 yang boleh melindungi pengguna ialah kad kebenaran. Kad tersebut dikeluarkan oleh syarikat jualan langsung kepada semua penjual. Ia mencatatkan nama dan alamat pemegang kad; nama, alamat dan nombor telefon syarikat yang mengeluarkan kad tersebut; tandatangan wakil syarikat yang diberi kuasa mengeluarkan kad; nombor lesen jualan langsung yang sah dan gambar pemegang kad. Adalah menjadi kesalahan sekiranya seseorang jurujual gagal untuk menunjukkan kad kebenaran apabila bertandang di rumah bagi maksud menjual barangan atau perkhidmatan.

Sampel Barangan atau perkhidmatan secara Pesanan Pos

Seseorang pengguna yang membeli barangan melalui pesanan

pos mempunyai hak untuk membuat pemeriksaan ke atas barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh syarikat jualan langsung bagi memastikan barangan atau perkhidmatan tersebut adalah sama dengan yang diiklankan.

Sesebuah syarikat jualan langsung yang menjalankan pemasaran secara pesanan pos mesti menyediakan sampel barangan atau perkhidmatan di premis perniagaan untuk diperiksa oleh pengguna yang berminat. Waktu dan

Pak Ngah : KEMI



tempat untuk pemeriksaan itu boleh ditetapkan oleh syarikat.

Ramai orang mengaitkan industri jualan langsung sebagai suatu industri yang tidak beretika dan menimbulkan banyak isu negatif. Persepsi ini mungkin sedikit sebanyak telah menjejaskan imej industri jualan langsung itu sendiri. Walau bagaimanapun, persepsi tersebut nampaknya tidak tepat sekiranya kita membuat ukuran bahawa aktiviti perniagaan jualan langsung ini tertakluk kepada undang-undang tertentu yang dapat

melindungi pengguna daripada penipuan dalam urusan jual beli dan amalan perniagaan yang tidak beretika. Pengguna sendiri harus melengkapkan diri mereka sendiri dengan tingkat pengetahuan ilmu kepenggunaan yang secukupnya serta bijak menggunakan hak-hak mereka sebagai pengguna.

Kesimpulannya, Akta Jualan Langsung 1993 telah dikuatkuasakan untuk melindungi hak pengguna, namun Akta tersebut tidak dapat dikuatkuasakan secara berkesan tanpa kerjasama daripada pengguna

itu sendiri. Pengguna mempunyai pilihan. Tidak dinafikan bahawa terdapat pelbagai isu-isu negatif yang wujud dalam industri jualan langsung, tetapi pengguna juga mendapat banyak faedah daripada pengamalan aktiviti perniagaan jualan langsung yang beretika. Pengguna perlu mengetahui bagaimana menggunakan hak mereka dan memberi kerjasama yang baik kepada Kerajaan dalam mewujudkan industri jualan langsung yang sihat dan beretika.



Panduan Menangani Jualan Dari Rumah Ke Rumah

Elak diri dari terperangkap dalam aktiviti perniagaan yang tidak jujur, kurang sopan dan tidak beretika terutama jualan dari rumah ke rumah. Ikuti panduan berikut :-

- ✎ Aktiviti jualan dari rumah ke rumah adalah di kawal di bawah Akta Jualan Langsung 1993. Oleh itu sebelum anda melayani jurujual pastikan jurujual menunjukkan Kad Pengenalan dan Kad Kebenaran. Setelah berpuashati bahawa jurujual itu datang dari Syarikat Jualan Langsung yang sah, jika anda berminat anda bolehlah membenarkan jurujual menunjukkan barang jualannya.
- ✎ Waktu bertandang adalah dari 9 pagi hingga 7 malam pada hari bekerja sahaja.
- ✎ Berhati-hati dalam berurusan dengan jurujual. Jangan terburu-buru membuat keputusan untuk membeli.
- ✎ Anda boleh meminta jurujual meninggalkan risalah, borang pesanan atau kontrak supaya anda dapat kaji dengan lebih teliti atau berbincang dengan ahli keluarga. Minta jurujual datang semula beberapa hari kemudian.
- ✎ Jangan terpengaruh dengan kata-kata yang boleh memikat anda untuk terus membuat tempahan atau pesanan.

✎ Jika tidak berminat, berterusterang kepada jurujual. Jangan membeli semata-mata kerana hendak membuat jurujual beredar. Jangan merasa bersalah kerana tidak membeli disebabkan mereka telah membuat demonstrasi.

✎ Janga sekali-kali menandatangani borang pesanan atau kontrak jika anda tidak yakin atau tidak mampu untuk membuat pembayaran. Ini kerana besar kemungkinan harapan untuk mendapatkan balik wang anda agak sukar apabila anda menukar fikiran kelak.

✎ Terma-terma pesanan atau kontrak hendaklah dibaca dengan teliti terutama cetakan yang halus. Kata-kata jurujual tidak akan diambil kira jika anda telah menangani borang pesanan atau kontrak. Anda akan terikat dengan apa yang terkandung dalam kontrak, bukan apa yang dijanjikan oleh jurujual.

✎ Dapatkan salinan borang pesanan atau kontrak dan pastikan semua janji-janji tambahan yang dibuat oleh jurujual tercatat dalam semua salinan perjanjian.

✎ Pastikan penghantaran dibuat dalam tempoh seperti yang dinyatakan dalam borang pesanan atau kontrak. Jika tidak sampai, anda hendaklah melapor kepada syarikat berkenaan. Salinan surat kepada syarikat berkenaan hendaklah juga disalinkan kepada Persatuan

Pengguna di tempat anda atau kepada pihak berkuasa.

✎ Semua kontrak adalah tertakluk kepada tempoh bertenang iaitu selama 10 hari bekerja. Tujuannya adalah supaya pembeli diberi peluang membuat keputusan. Dalam tempoh ini pembeli boleh membatalkan kontrak walaupun telah ditandatangani jika ragu-ragu dan tidak puas hati dengan barangan.

✎ Penjual tidak sepatutnya menerima apa-apa bayaran dari bakal pembeli sebelum tempoh bertenang tamat.

✎ Jika anda menghadapi masalah mengenai jualan rumah ke rumah :-

- i. Cubalah selesaikan masalah dengan syarikat berkenaan;
- ii. Sekiranya tidak mendapat penyelesaian, hubungi Bahagian Perdagangan Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; dan
- iii. Bahagian Penguatkuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

✎ Untuk mendapat maklumat mengenai sesebuah Syarikat Jualan Langsung, hubungi;

Sekretariat Persatuan Jualan Langsung Malaysia (DSAM)
No. 18, Tingkat 1, Jalan SJ 15/8
Peg Berkunci No. 22,
P.O. Subang Jaya
47509 PETALING JAYA,
SELANGOR DARUL EHSAN



Soal Jawab Pengguna bersama Ariff

Suatu hari ketika saya berada digerai kepunyaan kawan saya, kami telah didatangi oleh sekumpulan pemuda yang berpakaian seragam putih. Mereka telah menyergah kami dengan mengatakan gerai kawan saya itu banyak alat dan akan disaman oleh Kementerian Kesihatan. Pemuda-pemuda tersebut menegaskan mereka akan membuat semburan asap

untuk menghapuskan alat-alat berkenaan. Selepas kira-kira sepuluh minit kerja penyemburan asap di sekeliling gerai itu selesai, seorang daripada pemuda tersebut menuntut bayaran RM50.00. Dalam keadaan ketakutan dan keliru, kawan saya terpaksa membayar. Mereka terus berlalu segera. Memandangkan saya masih kurang faham tindakan tersebut terus menghubungi Pejabat Kesihatan meminta penjelasan. Pejabat itu

menafikan tindakan tersebut dilakukan oleh kakitangan mereka. Kemudiannya, barulah saya tahu kegiatan seperti ini telah berleluasa dan ramai pengguna telah tertipu.

Oleh itu, saya ingin mendapatkan nasihat dari Bahagian Hal Ehwal Pengguna agar tiada lagi pengguna yang teraniaya

Noriele

Temerloh, Pahang

Berikut adalah beberapa tindakan yang boleh diambil oleh pengguna bagi mengelak ditipu oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

1. Bertenang. Pengguna haruslah bertenang apabila didatangi oleh pihak-pihak tertentu. Penipu akan mudah mengambil kesempatan ke atas pengguna yang takut dan kelihatan bersalah apabila mereka disergh atau digertak.
2. Pengguna haruslah meminta pihak berkenaan memperkenalkan diri mereka dengan meminta mereka menunjukkan surat pengenalan diri dan surat kuasa. Jika mereka enggan berbuat demikian, anda harus mengambil keputusan berani untuk tidak melayan mereka.

Dan jika mereka berdegil untuk terus menggugat anda, anda haruslah meminta bantuan segera daripada pihak berkuasa.

3. Selepas mereka memperkenalkan diri mereka, anda haruslah menghubungi jabatan yang mereka wakili untuk mendapatkan pengesahan selanjutnya. Pastikan anda mendapatkan pengesahan pada masa yang sama.
4. Jika benar mereka dari jabatan yang sah, minta penjelasan di bawah peraturan apakah kesalahan yang telah anda lakukan dan apakah hukuman atau denda yang dikenakan kepada anda. Pastikan anda mengetahui hak anda di sisi undang-undang.
5. Jika boleh, anda perlu memohon untuk mendapatkan

surat amaran atau meminta tempoh untuk anda menyelesaikan denda berkenaan. Jangan terburu-buru dengan terus membayar denda berkenaan jika anda tidak berpuas hati.

6. Jika anda membayar denda, pastikan anda mendapatkan resit pembayaran yang sah daripada jabatan berkenaan.
7. Walaubagaimana pun jika anda merasa anda ditipu, anda haruslah mengambil tindakan segera dengan melaporkan kepada pihak yang berkuasa. Anda tidak seharusnya mendiadakan diri, supaya tindakan ini tidak berulang lagi kepada pengguna-pengguna yang lain.

Fakta Ringkas

Indeks Harga Pengguna (IHP)

IHP bagi bulan Mei 2000 naik sebanyak 1.3% dibandingkan dengan indeks bagi bulan yang sama pada tahun 1999. Manakala indeks harga pengguna dari bulan Januari hingga Mei 2000 juga naik sebanyak 1.4%. Bagaimanapun dibandingkan dengan indeks bulan April 2000 yang lalu IHP bagi bulan Mei 2000 telah turun sebanyak 0.2%.

Laporan Aktiviti Penguatkuasaan Oleh Bahagian Penguatkuasa

Bagi tempoh 1 Januari hingga 12 Mei 2000

| | Bilangan | Nilai Barangan |
|---|----------|-----------------|
| 1. Pemeriksaan Premis Perniagaan | 234,202 | |
| 2. Tindakan Kes dan Nilai Rampasan | 4,397 | RM 7,768,177.11 |
| 3. Kes Selesai dan Nilai Kompaun | 2,431 | RM 474,870.00 |
| 4. Kes Selesai dan Nilai Denda | 38 | RM 67,050.00 |
| 5. Operasi Membanteras "Cetak Rompak" oleh Pasukan Petugas Khas | | |
| Bilangan pemeriksaan/serbuan | 12,813 | |
| Bilangan Kes yang dihasilkan | 3,359 | |
| Nilai Barangan yang disita | | RM 8,576,569.00 |
| Bilangan Amaran | 4,694 | |

Laporan Bulanan Pejabat Pendaftar Perniagaan

Bagi tempoh Januari hingga April 2000

| Bulan | Perniagaan Baru yang Didaftarkan | Perniagaan Ditamatkan | Sijil Akaun Pendaftaran | Pemeriksaan | Pendakwaan | Jumlah Hasil (RM) Yang Dibaharui |
|----------|----------------------------------|-----------------------|-------------------------|-------------|------------|----------------------------------|
| Januari | 8,167 | 5,717 | 48,666 | 2,867 | 140 | 2,122,922.00 |
| Februari | 9,844 | 4,5194 | 5,046 | 9,949 | 135 | 2,489,049.00 |
| Mac | 12,369 | 8,4124 | 9,162 | 9,457 | 218 | 3,003,104.50 |
| April | 11,429 | 5,7364 | 8,223 | 6,686 | 153 | 2,776,785.00 |
| Jumlah | 41,809 | 24,384 | 191,097 | 28,959 | 646 | 10,391,860.50 |

Aktiviti-aktiviti Bahagian Hal Ehwal Pengguna bagi bulan Jun 2000

| Aktiviti | Tempat | Tarikh |
|--|-------------------|-----------|
| 1. Seminar Peranan dan Fungsi MHEPD | Alor Setar, Kedah | 20.6.2000 |
| 2. Bengkel Kepimpinan Kelab Pengguna Sekolah | Sibu, Sarawak | 24.6.2000 |

ISU PENGGUNA

PETI PENGGUNA

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna telah menempatkan beberapa peti aduan pengguna di beberapa tempat awam di bandar-bandar utama di Malaysia. Tujuan peti ini disediakan adalah agar pengguna dapat memberikan cadangan atau pandangan, membuat aduan dan sebagainya. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kesal kerana di kebanyakan tempat peti-aduan yang disediakan dimuatkan dengan sampah-sarap. Adalah diharapkan pengguna akan lebih prihatin dan bertanggungjawab.

TRIBUNAL TUNTUTAN PENGGUNA

Sebanyak 66 tuntutan membabitkan barangan dan perkhidmatan telah dikemukakan ke Tribunal Tuntutan Pengguna sejak ianya ditubuhkan pada 15 November 1999. Daripada jumlah tersebut, 8 tuntutan telah berjaya diselesaikan, 20 tuntutan akan dikemukakan dalam bulan Jun dan 19 lagi akan ditentukan tarikh perbicaraannya, manakala 19 tuntutan telah ditarik balik.

KENAIKAN GAJI DAN HARGA

Pada kebiasaannya apabila berlaku kenaikan gaji maka ada peniaga-

peniaga juga menaikkan harga barangan kadangkalanya tanpa alasan, walaupun kos pengeluaran barangan tidak mengalami peningkatan. Tindakan ini adalah semata-mata kerana ingin mengaut keuntungan yang berlebihan.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berharap bahawa dengan kenaikan gaji 10% yang akan diterima oleh kakitangan awam, para peniaga tidak akan mengambil kesempatan untuk mencatut. Manakala para pengguna pula adalah dinasihatkan jaganlah berbelanja tanpa merancang perbelanjaan terlebih dahulu.

Pantun Jualan Langsung

Terbang ke Barat si burung enggang,
Burung geroda terbang rendah;
Waspadalah jerat telah terpasang,
Bila anda dikatakan bertuah!

Anak belida sianak penyu,
Bermain tenis di tepi pantai;
Jangan tergoda pujuk dan rayu,
Wang habis maruah tergadai.

Pokok cendana pokok halban,
Burung bayan terbang ke hulu;
Tiada gunanya sesal kemudian,
Telitilah perjanjian terlebih dahulu.

Ke Pekan Lukut membeli dedak,
Sampai di Pekan mencari guni;
Jangan takut berkata 'tidak',
Kepada jualan yang tak diingini.

Senja hari pergi berenang,
Mudek ke hulu berperahu layar;
Sepuluh hari waktu bertenang,
Berfikir dahulu sebelum membayar.

We welcome your contributions

Our Bulletin needs your contributions. You may send in articles of interests on any subject related to consumer affairs or the environment. Besides sharing your experiences and knowledge with others, you will also be helping us to spread and broaden consumer knowledge to our readers. Your effort will be amply rewarded. Contributions must be typewritten in either Bahasa Malaysia or English. Unpublished items will be returned to contributors if a stamped self-addressed envelope is enclosed. For every item published, contributors will be paid according to the following rates :

1. RM100.00 for a minimum full page article on matters related to consumerism or the environment.
2. RM50.00 for the best letter of the month written to the editor on any subject related to consumerism or the environment.
3. RM 50.00 per item on news report related to consumerism or the environment.
4. RM40.00 for a photograph on 4R glossy paper. The photograph must be on subjects related to consumerism or the environment. Photographs may be published independently or to accompany articles or news item.
5. RM60.00 for original cartoons or caricatures on matters related to consumerism or the environment.

Kami Mengalu-alukan Sumbangan Anda

Buletin kami memerlukan sumbangan anda. Kami sedia menerima sumbangan anda mengenai isu kepenggunaan dan alam sekitar. Selain dari dapat bersama berkongsi pengalaman dan pengetahuan dengan pembaca lain, anda juga dapat menyumbang ke arah menyebarkan ilmu kepenggunaan kepada semua pembaca. Usaha anda juga akan diberi bayaran yang setimpal dan sewajarnya. Sumbangan mestilah ditaip sama ada dalam Bahasa Malaysia atau Inggeris. Semua sumbangan yang tidak diterbitkan akan dipulangkan jika disertakan dengan sampul surat beralamat sendiri dan bersemet. Untuk sebarang sumbangan yang diterbitkan anda akan dibayar mengikut kadar berikut :

1. RM100.00 untuk sumbangan berbentuk rencana utama mengenai isu kepenggunaan atau alam sekitar yang tidak kurang dari satu muka penuh.
2. RM50.00 bagi sepucuk surat yang terbaik bagi setiap bulan yang ditulis kepada pengarang menyentuh masalah kepenggunaan atau alam sekitar.
3. RM50.00 bagi setiap berita mengenai masalah kepenggunaan atau alam sekitar.
4. RM40.00 bagi setiap gambar foto mengenai isu kepenggunaan atau alam sekitar yang diterbitkan. Gambar mestilah berukuran 4R yang dicetak diatas kertas foto licin (glossy) .
5. RM60.00 bagi setiap kartun atau lakaran asli mengenai isu kepenggunaan atau alam sekitar.

Sila hantar sumbangan anda kepada :

Sidang Pengarang Buletin Perlingguna Pengguna

Bahagian Hal Ehwal Pengguna

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna,
Tingkat 32, Bangunan Daya Bumi, Jalan Sultan Hishamuddin 50623 Kuala Lumpur.

No. Faks : 03-2274 7628 & 2260 1807

E-mail : bulletin@kpdinq.gov.my

BAHAGIAN PENGUATKUASA :

- Bilik Gerakan K. Lumpur : 03-4436888/03-4437888 • Wilayah Persekutuan K. Lumpur : 03-4423555
- Kuala Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-4433366
- Perlis • Kangar : 04-9761478 Kedah • Alor Setar : 04-7339062 • Sg.Petani : 04-4213400 • Langkawi : 04-9660420 Pulau Pinang • P. Pinang : 04-2616168 • Seberang Prai : 04-3317500 Perak • Ipoh : 05-2555001 • Taiping : 05-8098801 • Teluk Intan : 05-6227967
- Selangor • Shah Alam : 03-5595544 • Kajang : 03-87362144 • K. Kubu Baru : 03-8042495 Wilayah Persekutuan • Kuala Lumpur : 03-4423555 • Labuan : 089-417669 Negeri Sembilan • Seremban : 06-7630911 Melaka • 06-2820422 Johor • Johor Bahru : 07-2234699 • Kluang : 07-7736877 • Muar : 06-9521094 • Mersing : 07-7981001 Pahang • Kuantan : 09-5121234 • Temerloh : 09-2961688
- Raub : 09-3551670 Terengganu • K. Terengganu : 03-6221234 • Kemaman : 09-8591919 Kelantan • Kota Bharu : 09-7481117
- Kuala Krai : 09-9666368 Sabah • K. Kinabalu : 088-235702 • Sandakan : 089-201301 • Tawau : 089-776690 Sarawak • Kuching : 082-245202 • Sibu : 084-331931 • Miri : 085-412862 • Bintulu : 086-332176 • Labuan : 087-417669

PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN PERNIAGAAN :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-4433366 • Alor Setar : 04-7318277 • Butterworth : 04-3327793 • Ipoh : 05-2547913 • Kota Bharu : 09-7484599 • Kuantan : 09-553600 • K. Terengganu : 09-6237170 • Johor Bahru : 07-2244710 • Melaka : 06-2821822

BAHAGIAN HARTA INTELEK :

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-22742100 • Kota Kinabalu : 088-233571 • Kuching : 089-428499

BAHAGIAN HAL EHWAL PENGGUNA : 03-22742100**BAHAGIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI : 03-22742100****PEJABAT-PEJABAT PENDAFTARAN SYARIKAT :**

- K. Lumpur (Ibu Pejabat) : 03-4433366 • Alor Setar : 04-7330111 • P. Pinang : 04-3332081 • Ipoh : 05-2416900 • Kuantan : 09-553866
- Kota Bharu : 09-7482860 • Kota Kinabalu : 088-233346 • Kuching : 082-428499 • Labuan : 087-414100



Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna

Pejabat-pejabat Penguatkuasa di Ibu negeri merupakan urusetia Majlis Hal Ehwal Pengguna Negeri (MHEPN). Sekiranya anda memerlukan maklumat atau nasihat, sila hubungi Pejabat Cawangan berhampiran di kawasan anda.

